



YAYASAN
SELANGOR

POLISI PEMBERI MAKLUMAT YAYASAN SELANGOR (WHISTLEBLOWING)



IBU PEJABAT YAYASAN SELANGOR

Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor
No. 18A, Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.



info@yselangor.com
+603 7669 1100 / 1242



©Hak cipta
Yayasan Selangor

Hak Cipta Terpelihara

Tiada mana-mana bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sebarang bentuk sistem simpanan, atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau seumpamanya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit.

Diterbitkan oleh:

Unit Integriti,
Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor,
Jalan Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

KANDUNGAN

<i>Bil.</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Muka Surat</i>
	Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	4
1	Pengenalan	5
2	Objektif	5
3	Definisi	7
4	Skop	9
5	Penguatkuasaan	10
6	Pemakaian Dan Pengasingan	10
7	Membuat Pelaporan	12
8	Perlindungan Dan Kerahsiaan <i>Whistleblowing</i>	13
9	Pembatalan Perlindungan	14
10	Tanggungjawab	15
11	Maklum Balas	17
	Contoh Borang Pemberi Maklumat (<i>Whistleblower</i>)	18
12	Kaedah Pelaksanaan (Carta Alir)	19
13	Hubungi Unit Integriti	20

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan untuk memacu pembangunan pendidikan di Negeri Selangor, Yayasan Selangor sentiasa menjunjung tinggi nilai integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam setiap aspek pentadbiran serta penyampaian perkhidmatannya. Nilai-nilai ini bukan sahaja menjadi asas kepada budaya kerja organisasi, malah mencerminkan komitmen berterusan kita terhadap prinsip tadbir urus yang baik serta aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan keadilan, ihsan dan tanggungjawab bersama.

Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) Yayasan Selangor diwujudkan sebagai satu mekanisme penting dalam memperkukuh integriti organisasi serta mencegah sebarang bentuk salah laku, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, rasuah dan pelanggaran etika. Polisi ini menyediakan saluran yang selamat, telus dan dipercayai kepada warga kerja serta pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang pelanggaran yang berlaku tanpa rasa takut terhadap sebarang bentuk ancaman atau tindakan balas. Perlindungan sewajarnya akan diberikan kepada pemberi maklumat tertakluk kepada syarat dan peruntukan yang ditetapkan dalam polisi ini.

Yayasan Selangor percaya bahawa usaha membudayakan integriti bukan hanya terletak pada pelaksanaan peraturan dan kawalan dalaman, malah memerlukan keberanian serta komitmen semua pihak untuk menegakkan perkara yang benar. Sehubungan itu, saluran aduan yang diuruskan melalui Unit Integriti diwujudkan sebagai salah satu instrumen kawalan dalaman yang sistematik dan berkesan bagi memastikan setiap aduan dapat diurus secara profesional, adil dan berlandaskan peraturan yang berkuat kuasa.

Saya menyeru seluruh warga kerja Yayasan Selangor, pihak berkepentingan, pemegang taruh serta pihak yang berurusan dengan Yayasan Selangor agar menggunakan saluran ini secara bertanggungjawab, beretika dan dengan niat yang baik demi memelihara kepentingan organisasi. Bersama-sama kita memperkukuhkan budaya kerja yang telus, amanah dan bebas daripada sebarang salah laku, seterusnya memastikan Yayasan Selangor terus menjadi institusi yang diyakini, dihormati dan menjadi contoh dalam amalan tadbir urus yang berintegriti.

Semoga usaha ini dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap Yayasan Selangor serta menyokong agenda pembangunan pendidikan negeri secara berterusan demi manfaat generasi masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

RAJA NAZIRIN SHAH RAJA MOHAMAD
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YAYASAN SELANGOR

1. PENGENALAN

- 11 Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) Yayasan Selangor merupakan satu elemen penting dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti organisasi. Polisi ini menerangkan secara jelas proses penerimaan aduan, penyiasatan, penyediaan laporan serta tindakan yang akan diambil terhadap mana-mana warga kerja Yayasan Selangor yang didapati terlibat dalam salah laku.
- 12 Pelaksanaan polisi ini adalah satu langkah proaktif dalam usaha membanteras sebarang bentuk salah laku dan ketidakpatuhan terhadap undang-undang, kod etika, pekeliling atau kontrak kerja yang berkuat kuasa.
- 13 Yayasan Selangor komited untuk mengamalkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti dalam semua aspek pelaksanaan Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*)."
- 14 Polisi ini merupakan platform untuk mengemukakan aduan berkaitan integriti oleh kakitangan Yayasan Selangor, pihak berkepentingan, pemegang taruh atau pihak luar yang berurusan dengan Yayasan Selangor bagi melaporkan sebarang salah laku melibatkan rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa atau sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang.

2. OBJEKTIF

- 21 Objektif Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) Yayasan Selangor adalah seperti berikut:
 - 2.1.1 **Memberi ruang dan peluang kepada mana-mana pelapor untuk membuat laporan salah laku di Yayasan Selangor.**

Polisi ini memastikan setiap individu, sama ada warga kerja atau pihak berkepentingan, mempunyai saluran rasmi yang jelas dan mudah diakses untuk melaporkan sebarang bentuk salah laku seperti penyelewengan, rasuah, penyalahgunaan kuasa atau pelanggaran prosedur yang boleh menjejaskan reputasi dan operasi Yayasan Selangor.
 - 2.1.2 **Memberi jaminan kepada pelapor bahawa mereka akan dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan sekiranya laporan dibuat dengan niat suci hati.**

Perlindungan ini merangkumi keselamatan pekerjaan, reputasi dan hak-hak pelapor agar mereka tidak dikenakan tindakan balas seperti ugutan, diskriminasi atau pemecatan. Polisi ini menggalakkan keberanian untuk melaporkan salah laku tanpa rasa takut, selagi laporan dibuat secara jujur dan berdasarkan fakta.

2.1.3 Menyediakan satu mekanisme rasmi yang selamat bagi tindakan yang akan diambil ke atas semua laporan salah laku yang diterima.

Mekanisme ini merangkumi prosedur yang telus dan sistematik, termasuk pengesahan aduan, pelaksanaan siasatan dan pengeluaran laporan. Ia memastikan setiap aduan diuruskan secara profesional, berintegriti dan mengikut garis panduan yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang ketidakadilan atau penyalahgunaan proses.

2.1.4 Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap apa-apa perkara salah laku yang dilaporkan oleh mana-mana sumber lain.

Selain laporan daripada pelapor rasmi, Yayasan Selangor juga akan mengambil tindakan terhadap maklumat yang diperolehi daripada sumber lain seperti audit dalaman, pemeriksaan pihak berkuasa atau maklumat awam. Ini menunjukkan komitmen organisasi untuk menangani semua bentuk salah laku tanpa mengira sumber maklumat.

3. DEFINISI

- 31 Definisi terma yang diguna pakai di dalam Polisi ini membawa maksud seperti berikut:

Agensi penguatkuasa undang-undang	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain.
Laporan salah laku	Sebarang laporan atau maklumat berkaitan salah laku yang jika terbukti, boleh menjadi suatu kesalahan jenayah atau kesalahan tatatertib.
Pelapor	Seseorang atau kumpulan orang yang membuat laporan atau memberi maklumat berkaitan salah laku.
Percanggahan kepentingan	Konflik antara kepentingan peribadi seseorang bercanggah dengan tanggungjawab rasminya, sehingga berpotensi mempengaruhi pelaksanaan tugas secara tidak wajar atau tidak beretika.
Perkara salah laku yang dilaporkan oleh mana- mana sumber lain	Laporan atau maklumat berkaitan salah laku yang dilaporkan oleh agensi luar, rujukan daripada Bahagian / Unit Yayasan Selangor, rujukan dari Jabatan Integriti SUK dan rujukan daripada Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor dan lain-lain.
Kakitangan Yayasan Selangor	Seseorang yang dilantik bekerja untuk Yayasan Selangor secara tetap, sementara atau kontrak.
Pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam Yayasan Selangor	Organisasi yang ditubuh atau individu mempunyai kaitan dengan Yayasan Selangor seperti melibatkan anak syarikat, Yayasan, Kelab Sukan, Pertubuhan, Persatuan dan Kesatuan Sekerja, termasuklah ibu bapa, cikgu, pihak Jabatan Pelajaran Negeri Selangor / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia serta kakitangan dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor.

Rakan strategik Yayasan Selangor	Pembekal, kontraktor, juru perunding atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan kerjasama atau perkhidmatan dengan Yayasan Selangor dan pihak berkepentingan dalam Yayasan Selangor.
Polisi	Merujuk kepada Polisi Pemberi Maklumat (<i>Whistleblowing</i>) Yayasan Selangor.
Rasuah	Apa-apa manfaat yang ditawarkan / diberi / diminta / diterima dalam apa-apa bentuk sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan urusan Yayasan Selangor.
Salah guna kuasa	Menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi untuk manfaat diri sendiri atau saudara atau sekutu.
Salah laku	Apa-apa kelakuan tidak wajar yang bertentangan dengan undang-undang atau polisi, peraturan dan prosedur Yayasan Selangor.
Saudara	Tafsiran Saudara adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
Sekutu	Tafsiran Sekutu adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

4. SKOP

41 Skop polisi ini merangkumi semua bentuk salah laku yang telah berlaku, sedang berlaku atau dipercayai akan berlaku di Yayasan Selangor, yang sekiranya terbukti:

4.1.1 Merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa; dan

4.1.2 Merupakan suatu kesalahan tatatertib akibat pelanggaran tatakelakuan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Skim Perkhidmatan Peraturan Disiplin dan Tatatertib Yayasan Selangor (Pindaan Tahun 2004) serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur yang diguna pakai di Yayasan Selangor.

42 Antara skop salah laku yang boleh dilaporkan adalah seperti berikut:

4.2.1 Menawarkan, memberi, meminta, atau menerima sebarang bentuk **rasuah**;

4.2.2 **Penyalahgunaan kuasa**, termasuk tindakan yang memberi manfaat kepada diri sendiri, ahli keluarga (Saudara), atau sekutu; dan

4.2.3 **Penyelewengan**, yang merangkumi:

a) Membuat, memperakukan atau mengemukakan tuntutan palsu;

b) Pecah amanah jenayah seperti penggelapan wang atau penggunaan wang tanpa kelulusan;

c) Penyalahgunaan aset Yayasan Selangor;

d) Penipuan;

e) Pemalsuan dokumen atau maklumat;

f) Pelanggaran polisi, prosedur atau peraturan pelaksanaan Yayasan Selangor;

g) Memusnahkan, mencacatkan, mengubah atau menyembunyikan dokumen atau bahan yang mempunyai kaitan dengan suatu siasatan; dan

h) Lain-lain kesalahan jenayah yang berkaitan.

- 4.2.4 Bersubahat, mengarahkan, menasihati, merancang atau menyebabkan seseorang melakukan mana-mana perbuatan yang dinyatakan dalam perkara 4.2.1, 4.2.2 dan 4.2.3 juga termasuk dalam skop salah laku yang boleh dikenakan tindakan sewajarnya.

5. PENGUATKUASAAN

- 51 Penguatkuasaan Polisi ini adalah tertakluk kepada kelulusan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor.
- 52 Unit Integriti melalui Bahagian Pengurusan Projek bertanggungjawab untuk menyemak dan mengemaskini Polisi ini sekiranya perlu. Mana-mana pindaan yang dicadangkan di masa hadapan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Risiko, Audit Dalam dan Integriti Yayasan Selangor (JKRADIYS) untuk persetujuan dan seterusnya dibentangkan ke Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor untuk kelulusan.
- 53 Polisi ini hendaklah disebar kepada semua kakitangan Yayasan Selangor, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor, pemegang taruh, pihak berkepentingan dan rakan kerjasama strategik Yayasan Selangor serta dimuat naik di dalam laman sesawang rasmi Yayasan Selangor (www.yayasanselangor.org.my) sebagai makluman dan rujukan umum.

6. PEMAKAIAN DAN PENGASINGAN

- 61 Polisi ini terpakai kepada:
- 6.1.1 Semua kakitangan Yayasan Selangor, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor, pemegang taruh, pihak berkepentingan serta rakan kerjasama strategik Yayasan Selangor; dan
- 6.1.2 Semua pembekal atau kontraktor yang sedang atau akan berurusan dengan Yayasan Selangor.
- 62 Polisi ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan Yayasan Selangor, serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur dalaman Yayasan Selangor yang sedang berkuat kuasa.
- 63 Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, sebarang mekanisme atau dasar berkaitan prosedur pada polisi pemberi maklumat yang dibangunkan oleh pihak berkepentingan dalam Yayasan Selangor hendaklah dianggap sebagai pelengkap kepada Polisi ini. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara dokumen tersebut dengan Polisi ini, maka Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) Yayasan Selangor ini akan diguna pakai sebagai rujukan utama.

- 64 Sekiranya terdapat mana-mana terma, peruntukan atau akur janji dalam polisi ini yang didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia hendaklah menjadi tidak efektif setakat mana ia menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, tanpa membatalkan atau menjejaskan kesahan dan keberkesanan peruntukan-peruntukan lain dalam polisi ini.
- 65 Polisi ini tidak boleh digunakan sebagai pengganti atau alternatif kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) untuk mendapatkan kekebalan daripada tindakan sivil atau jenayah, sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.
- 66 Pelapor juga berhak membuat laporan salah laku kepada mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang, di mana perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan lain-lain akta yang berkaitan boleh diberikan kepada pelapor.
- 67 Polisi ini tidak terpakai bagi perkara-perkara berikut:
- 6.7.1 Aduan atau laporan yang bersifat rungutan peribadi mengenai terma dan syarat perkhidmatan, penilaian prestasi, pampasan atau lain-lain aspek hubungan kerja individu;
 - 6.7.2 Aduan atau laporan yang mengandungi maklumat yang dilarang untuk didedahkan oleh undang-undang, seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) dan undang-undang lain yang seumpamanya.
 - 6.7.3 Aduan atau laporan yang mempersoalkan merit dasar Kerajaan atau dasar Yayasan Selangor; dan
 - 6.7.4 Aduan atau laporan yang dibuat tanpa butiran identiti pelapor, identiti pelapor tidak dapat disahkan atau dibuat melalui surat layang. Sebarang tindakan yang akan diambil, jika ada, terhadap laporan salah laku sebegini akan ditentukan berdasarkan kebolehpercayaan dan ketepatan kandungan laporan.

7 MEMBUAT PELAPORAN

- 7.1 Pelapor hendaklah membuat laporan dengan segera dalam tempoh yang munasabah sekiranya mempunyai kepercayaan yang berasas bahawa suatu salah laku telah berlaku, sedang berlaku atau berkemungkinan akan berlaku melibatkan Yayasan Selangor.
- 7.2 Pelapor digalakkan untuk membuat laporan melalui kaedah-kaedah berikut:
 - 7.2.1 Berjumpa dan berbincang dengan Ketua Bahagian atau Unit masing-masing, seterusnya menghubungi Unit Integriti untuk membuat laporan;
 - 7.2.2 Menghubungi dan berbincang secara langsung dengan pegawai di Unit Integriti untuk membuat laporan;
 - 7.2.3 Sekiranya laporan melibatkan pegawai di Unit Integriti, pelapor boleh membuat laporan terus kepada Pengerusi Jawatankuasa Risiko, Audit Dalam dan Integriti Yayasan Selangor (JKRADIYS);
 - 7.2.4 Melengkapkan Borang Laporan Pemberi Maklumat (*Whistleblower*) Yayasan Selangor yang boleh diperoleh daripada Unit Integriti; dan
 - 7.2.5 Melaporkan secara dalam talian melalui panggilan telefon atau e-mel kepada Unit Integriti.
- 7.3 Pelapor hendaklah memberikan maklumat yang lengkap dan jelas seperti berikut:
 - 7.3.1 Keterangan mengenai salah laku serta identiti pihak yang terlibat;
 - 7.3.2 Keterangan tentang bagaimana salah laku dilakukan, termasuk tempat, tarikh dan masa kejadian (sekiranya maklumat tersebut tersedia);
 - 7.3.3 Dokumen atau bahan sokongan lain yang berkaitan, yang boleh dijadikan bukti; dan
 - 7.3.4 Butiran pelapor seperti nama, alamat, nombor telefon dan alamat e-mel untuk tujuan dihubungi dan pemberian maklum balas.
- 7.4 Laporan salah laku hendaklah dibuat dengan niat yang suci hati, bukan bersifat palsu, berniat jahat, berdendam atau berunsur fitnah. Laporan tersebut mestilah berdasarkan fakta dan tidak bersifat spekulatif.

- 7.5 Perlindungan akan diberikan kepada kakitangan atau mana-mana individu yang membuat laporan salah laku di bawah Polisi ini, tertakluk kepada kewajaran dan kesesuaian. Bagi mendapatkan perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan undang-undang berkaitan, individu atau orang awam boleh membuat laporan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang.
- 7.6 Sekiranya laporan salah laku dibuat terhadap mana-mana Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor, Ahli Jawatankuasa Yayasan Selangor atau Pegawai Unit Integriti, individu berkenaan tidak boleh terlibat dalam keseluruhan proses yang dinyatakan dalam Polisi ini atau membuat sebarang tindakan atau keputusan berkaitan laporan tersebut. Segala tugas dan tanggungjawab individu tersebut hendaklah diambil alih oleh ahli atau pegawai lain yang berkecuali.

8. PERLINDUNGAN DAN KERAHSIAAN *WHISTLEBLOWING*

- 81 Identiti pelapor, termasuk jawatan, alamat tempat kerja, alamat kediaman dan maklumat berkaitan, akan dirahsiakan dan dilindungi di bawah Polisi ini.
- 82 Semua laporan salah laku akan diklasifikasikan sebagai SULIT. Kandungan laporan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali kepada pihak yang berhak mengetahuinya, seperti agensi penguatkuasaan undang-undang, Pasukan Penyiasat, Jawatankuasa Risiko, Audit Dalam dan Integriti Yayasan Selangor (JKRADIYS) serta Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor, bagi tujuan siasatan, penilaian dan keputusan. Walau bagaimanapun, identiti pelapor tetap dirahsiakan dan tidak boleh dinyatakan dalam sebarang dokumen atau pernyataan.
- 83 Segala maklumat aduan yang diperoleh tidak akan didedahkan atau dibincangkan dengan pihak ketiga, kecuali kepada individu atau jawatankuasa yang dilantik oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor.
- 84 Dalam keadaan tertentu di mana pegawai penyiasat perlu mendapatkan maklumat lanjut daripada pemberi maklumat, pegawai penyiasat akan menghubungi pemberi maklumat berkenaan.
- 85 Pelapor adalah dilarang daripada mendedahkan sebarang butiran laporan salah laku kepada mana-mana pihak lain, kecuali kepada agensi penguatkuasaan undang-undang. Kegagalan pelapor mematuhi larangan ini boleh menyebabkan kerahsiaan dan perlindungan di bawah Polisi ini terbatal.
- 86 Pelapor yang membuat laporan dengan niat suci hati akan dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan.

- 87 Mana-mana individu yang melakukan tindakan yang memudaratkan terhadap pelapor akan dikenakan tindakan tatatertib sehingga ke tahap penamatan perkhidmatan atau pemecatan atau dilaporkan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang. Tindakan yang memudaratkan termasuk:
- 8.7.1 Perbuatan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
 - 8.7.2 Ugutan atau gangguan;
 - 8.7.3 Gangguan terhadap pekerjaan, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, penggantungan kerja, keadaan yang merugikan, layanan buruk berkaitan pekerjaan atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
 - 8.7.4 Ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang dinyatakan di atas.
- 8.8 Kerahsiaan dan perlindungan terhadap pelapor tidak akan terjejas sekiranya laporan salah laku yang dibuat tidak membawa kepada sebarang tindakan tatatertib atau pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang.

9. PEMBATALAN PERLINDUNGAN

- 91 Perlindungan terhadap pelapor akan terbatal sekiranya didapati pelapor telah membuat laporan salah laku yang diketahuinya palsu, berniat jahat atau berunsur fitnah. Yayasan Selangor memandang serius perkara ini dan tindakan tatatertib atau pengaduan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang boleh diambil terhadap pelapor.
- 92 Perlindungan juga akan terbatal dalam keadaan berikut:
- 9.2.1 Pelapor turut terlibat dalam kelakuan tidak wajar yang dilaporkan;
 - 9.2.2 Pelapor membuat laporan salah laku dengan motif untuk mengelak daripada penamatan perkhidmatan atau tindakan tatatertib; dan
 - 9.2.3 Sama ada sebelum atau selepas membuat laporan, pelapor telah mendedahkan mana-mana butiran laporan kepada pihak yang tidak berhak mengetahuinya.

10. TANGGUNGJAWAB

101 Unit Integriti

10.1.1 Menilai semua aduan yang diterima oleh Unit Integriti dan membuat keputusan yang sewajarnya sama ada untuk menolak atau menerima aduan tersebut. Sekiranya aduan diterima, Unit Integriti akan menentukan tindakan yang sesuai seperti berikut:

1. Melaksanakan semakan dalaman;
2. Merujuk kepada Jawatankuasa Penilaian Aduan (Rujuk perenggan 10.2);
3. Memanjangkan aduan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang; atau
4. Tidak mengambil sebarang tindakan lanjut.

10.2 Jawatankuasa Penilaian Aduan Yayasan Selangor (JKPAYS) (Proses kerja merujuk kepada SOP YS/PS/INTEG-03 - Pengurusan Aduan)

10.2.1 Membincangkan dan menyiasat aduan salah laku berdasarkan laporan yang diterima atau dibentangkan oleh Unit Integriti.

10.2.2 Menilai dan membuat keputusan syor tindakan yang sewajarnya terhadap aduan sama ada untuk menolak atau menerimanya. Sekiranya aduan diterima, JKPAYS akan menentukan tindakan yang sesuai, sama ada:

1. Melaksanakan penilaian dan pengesyoran tindakan bagi aduan salah laku yang tidak ditolak, berdasarkan semakan dalaman atau siasatan Unit Integriti atau hasil siasatan Jawatankuasa ini dan seterusnya memanjangkan pengesyoran tersebut kepada pihak berkaitan seperti kepada Bahagian Pengurusan Modal Insan (PMI) bagi tindakan tatatertib;
2. Menerima aduan salah laku dan membuat pengesyoran untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Risiko, Audit Dalam dan Integriti Yayasan Selangor (JKRADIYS) bagi keputusan lanjut (Rujuk perenggan 10.3);
3. Memanjangkan aduan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang;
4. Tidak mengambil sebarang tindakan lanjut; atau
5. Melaksanakan tindakan lain yang sewajarnya.

10.3 Jawatankuasa Risiko, Audit Dalam dan Integriti Yayasan Selangor (JKRADIYS)

- 10.3.1 Membuat penilaian terhadap laporan salah laku, hasil siasatan serta laporan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penilaian Aduan Yayasan Selangor (JKPAYS) melalui Unit Integriti.
- 10.3.2 Membuat keputusan yang sewajarnya terhadap aduan sama ada untuk menolak atau menerimanya. Sekiranya aduan diterima, JKRADIYS akan menentukan tindakan yang sesuai, sama ada:
 1. Membuat keputusan untuk melaksanakan tindakan sewajarnya ke atas aduan salah laku yang tidak ditolak, berdasarkan keputusan siasatan JKPAYS atau hasil siasatan dan penilaian JKRADIYS;
 2. Menerima aduan salah laku dan membuat pengesyoran untuk dibentangkan kepada Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor (ALPAYS) bagi keputusan lanjut (Rujuk perenggan 10.4);
 3. Memanjangkan aduan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang;
 4. Tidak mengambil sebarang tindakan lanjut; atau
 5. Melaksanakan tindakan lain yang sewajarnya.

10.4 Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor (ALPAYS)

- 10.4.1 Memastikan Polisi ini serta mekanismenya dilaksanakan di Yayasan Selangor dengan selamat dan berkesan.
- 10.4.2 Membincangkan hasil siasatan salah laku dan membuat keputusan yang sewajarnya secara adil dan saksama, berdasarkan polisi, peraturan serta perincian daripada Jawatankuasa Penilaian Aduan Yayasan Selangor (JKPAYS) dan pengesyoran Jawatankuasa Risiko, Audit Dalam dan Integriti Yayasan Selangor (JKRADIYS). Keputusan yang boleh dibuat termasuk:
 1. Menubuhkan Jawatankuasa Disiplin untuk tindakan tatatertib atau merujuk kepada peraturan sedia ada berhubung tindakan yang boleh diambil berkaitan pelanggaran tatakelakuan di bawah Skim Perkhidmatan, Peraturan Disiplin dan Tatatertib Yayasan Selangor atau mana-mana peraturan yang berkuat kuasa;
 2. Memanjangkan aduan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang;
 3. Merujuk kepada Bahagian atau Unit untuk teguran atau tindakan penambahbaikan dalaman;

4. Tidak mengambil sebarang tindakan lanjut; atau
5. Melaksanakan tindakan lain yang sewajarnya.

10.5 Kriteria Pegawai Integriti atau Ahli Jawatankuasa Penilaian Aduan Yayasan Selangor (JKPAYS) atau Pasukan Penyiasat

- 10.5.1 Pegawai Integriti atau ahli JKPAYS atau Pasukan penyiasat terdiri daripada mana-mana pegawai yang dilantik oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Yayasan Selangor untuk menjalankan semakan dalaman dan siasatan.
- 10.5.2 Melaksanakan semakan dalaman dan siasatan secara objektif, tanpa berat sebelah dan prasangka, apabila diarahkan oleh JKPAYS atau Jawatankuasa Risiko, Audit Dalam dan Integriti Yayasan Selangor (JKRADIYS) atau Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor (ALPAYS).
- 10.5.3 Pegawai Integriti atau JKPAYS atau Pasukan penyiasat dibenarkan untuk menemu bual, merakam pernyataan, mendapatkan dokumen atau sebarang maklumat yang diperlukan bagi tujuan semakan dalaman, kajian dan siasatan salah laku.
- 10.5.4 Menyediakan dan menyerahkan laporan siasatan berserta syor yang sewajarnya kepada JKPAYS, JKRADIYS atau seterusnya kepada ALPAYS sekiranya perlu.

11. MAKLUM BALAS

- 11.1 Pelapor akan dimaklumkan mengenai tindakan yang diambil terhadap laporan salah laku yang dibuat olehnya, termasuk hasil siasatan atau keputusan ke atas laporan tersebut.



YS/B/INTEG/03/01/WHI

**BORANG LAPORAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWER)
YAYASAN SELANGOR (010096 - K)**


Sila berikan butir - butir berikut untuk apa - apa kelakuan atau aktiviti tidak wajar dan kemukakan borang ini kepada pegawai yang telah dilantik.

MAKLUMAT UNTUK BERHUBUNG DENGAN PEMBERI MAKLUMAT							
Nama							
Jawatan							
Jabatan / Bahagian / Unit							
Nombor Untuk Dihubungi							
Alamat Semasa							
Alamat E-Mail							
MAKLUMAT SUSPEK							
Nama							
Jawatan							
Jabatan / Bahagian / Unit							
Nombor Untuk Dihubungi							
Alamat Semasa							
Alamat E-Mail							
MAKLUMAT ADUAN / LAPORAN							
Tarikh Kejadian							
Aduan melalui :- * Tandakan (/) pada ruang berkaitan	Surat		E-mail		Tel		Lain - Lain (Nyatakan)
Tempat Kejadian							
Butir - Butir Kejadian * Sertakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi							
Saksi (Jika ada)							
Bukti / Dokumen Sokongan (fail, gambar, audio, cd dll)							
_____ Pengadu	_____ Penerima Aduan (Unit Integriti)			_____ Ketua Unit Integriti			

Nota : Borang yang lengkap hendaklah diserahkan ke Unit Integriti YS

12. KAEDAH PELAKSANAAN

12.1 Panduan dan kaedah pelaksanaan boleh dirujuk menerusi carta alir berikut:



13. HUBUNGI UNIT INTEGRITI

13.1 Sebarang maklumat lanjut atau bagi mendapatkan perincian polisi, sila hubungi:

- **HADIR SENDIRI:**
Berjumpa dengan Pegawai Unit Integriti.
- **E-MEL:**
integriti@yselangor.com
- **SURAT MENYURAT:**
Unit Integriti,
Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor
No. 18A, Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.
- **HUBUNGI:**
+603-7669 1100 / 1242



Yayasan Selangor
Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor,
No. 18A, Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia



All presentation and slide materials are the sole property of Yayasan Selangor and cannot be published, copied, or disseminated without prior written approval from Yayasan Selangor.



Yayasan Selangor



Yayasanselangorofficial



yselangorportal



YS TikTok